



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (11 OKTOBER 2020)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini **tiada kes** positif COVID-19 dikesan di Sarawak. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **kekal 751 kes**.

#### **A. Kluster COVID-19 yang masih aktif.**

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun terdapat dua (2) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

- i) **Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.** Kluster ini kekal melaporkan empat (4) kes positif COVID-19.
- ii) **Kluster Putra di Daerah Bintulu.** Kluster ini kekal merekodkan seramai lima (5) kes positif COVID-19.

#### **B. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

Dimaklumkan juga bahawa **tiada** kes baru yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini kekal seramai **685** orang atau **91.21%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital juga kekal seramai **47** orang iaitu 28 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak, lapan (8) kes di Hospital Miri, tujuh (7) kes Hospital Bintulu dan empat (4) orang di Hospital Sibul.

**Tiada** kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.53%**.

Hari ini **dua (2) PUI** baru telah dilaporkan dan **tiada** PUI yang menunggu keputusan ujian makmal.

### **C. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

**Hari ini, Daerah Lawas telah bertukar status daripada Kuning kepada status Hijau setelah tiada kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas.** Walau bagaimanapun, Daerah Kuching, Sibul, Bintulu dan Lubok Antu kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan seramai dua belas (12) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Tiada penambahan kes jangkitan tempatan baharu dilaporkan atau dikesan bagi daerah-daerah tersebut pada hari ini.

Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Kuning adalah empat (4) buah daerah dan 36 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

#### **D. Makluman Ralat Nama Kluster Yang Telah Dilaporkan.**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak ingin memaklumkan pertukaran nama kluster yang dilaporkan pada 10 Oktober 2020 iaitu **Kluster Taman Putrajaya**, Bintulu. Kluster ini akan menggunakan pakai nama **Kluster Putra** seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia dalam sidang media pada 10 Oktober 2020 jam 5:30 petang iaitu selepas pengumuman dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak pada hari yang sama..

Pertukaran nama kluster ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan penggunaan nama Putrajaya yang sinonimnya akan merujuk kepada Pusat Pentadbiran Negara iaitu Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pertukaran ini adalah juga untuk keseragaman data dan maklumat di antara Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dengan Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### **2. LAPORAN NOTIS AMARAN / KOMPAUN / SITAAN / TANGKAPAN**

Pihak PDRM telah menangkap 13 orang. Daripada jumlah tersebut, 12 orang adalah warga Indonesia (6 lelaki dan 6 perempuan) di sebuah pusat hiburan di Niah, Miri kerana tidak mematuhi SOP penjarakan fizikal. Manakala seorang (1) lelaki tempatan ditangkap di Pasar Sibu kerana memukul pengawal keselamatan yang sedang memeriksa suhu badan pengunjung pasar.

Selain itu, pihak PDRM juga telah mengeluarkan **53 notis** kompaun telah di Kuching (46), Miri (5), Kota Samarahan (1) dan Betong (1) kerana tidak mematuhi Garis panduan (SOP).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **65 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan SMC (26), BDA (15), MBKS (11), DBKU (8) dan MD Serian (5).

### **3. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)**

Hari ini sebanyak **1,582 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (198), Restoran (243), Kilang (14), Bank (116), Pejabat Kerajaan (55), Penjaja (70), Pasar Tani/Awam (77), Tempat Ibadah (79), Tempat Riadah (40), Tapak Pembinaan (21) dan lain-lain (669).

Seramai **532 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (242), ATM (36), RELA (116), APM (92), PBT (41) dan lain-lain agensi (5).

#### **4. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG**

Hari ini terdapat **6 sekatan jalan raya** di 5 buah daerah iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 6 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **957** jumlah kenderaan telah diperiksa.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**11 OKTOBER 2020**

**4.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	751	Kes sedang dirawat di hospital	47	6.26%
Kes Baharu	0	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	123,992	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	751	Jumlah kes kematian	19	2.53%
IR per 100,000 penduduk	24.34	Kes telah sembuh dan discaj	685	91.21%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	5	9,085	Patient Under Investigation (PUI)	2
Menunggu keputusan	0	0		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital	28	4	7	8	0	47
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian	17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	0	0	0	0
	Kumulatif	577	35	39	32	2
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	9	3	1	0	22

DAERAH KUNING (4)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lubok Antu	0	24	0	3	0	0	0	0	3	3	1
2	Kuching	1	6,503	0	453	0	419	0	12	22	24	4
3	Bintulu	1	308	0	46	0	39	0	0	7	7	5
4	Sibu	0	115	0	15	0	11	0	0	4	4	2
Jumlah		2	6950	0	517	0	469	0	12	36	38	12

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (36)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Lawas	0	20	0	4	0	1	0	0	3	0	0
2	Serian	0	314	0	24	0	24	0	0	0	0	0
3	Lundu	0	248	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Bau	0	178	0	7	0	6	0	0	1	1	0
5	Samarahan	0	568	0	112	0	108	0	4	0	0	0
6	Simunjan	0	62	0	8	0	8	0	0	0	0	0
7	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
8	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
9	Limbang	0	31	0	9	0	8	0	1	0	0	0
10	Miri	0	840	0	29	0	23	0	1	5	5	0
11	Asajaya	0	43	0	5	0	5	0	0	0	0	0
12	Sri Aman	0	54	0	4	0	2	0	1	1	1	0
13	Betong	0	189	0	16	0	16	0	0	0	0	0
14	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0	0
16	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
17	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Daro	0	7	0	1	0	0	0	0	1	1	0
29	Kapit	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>2,886</b>	<b>0</b>	<b>234</b>	<b>0</b>	<b>216</b>	<b>0</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>8</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>2</b>	<b>9,836</b>	<b>0</b>	<b>751</b>	<b>0</b>	<b>685</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>47</b>	<b>46</b>	<b>12</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **286** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **17 buah hotel** adalah seramai **1,578 orang**. Manakala seramai **25,796 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 11.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching (598)	Hock Lee	146
2		Kuching Park	84
3		Hilton	75
4		Harbour View	186
5		Riverside (Astana Wing)	107
6	Miri (586)	Imperial Palace	122
7		Eastwood Valley	87
8		Meritz	220
9		Miri	26
10		Dynasty	131
11	Bintulu (56)	Wasan Inn	32
12		Motel Kapok	14
13		Faber Inn	10
14	Limbang (177)	Purnama	82
15		Shangshan (Lawas)	67
16		Mandarin (Lawas)	28
17	Sibu (161)	Premier	161
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,578</b>



### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Kuching (3), Miri (2), Serian (1) dan Sibul (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,734 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 11.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>3</b>	<b>544</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>2</b>	<b>318</b>
<b>3</b>	<b>Sibu</b>	<b>1</b>	<b>176</b>
4	Samarahan	TIADA	122
5	Bintulu	TIADA	115
6	Sarikei	TIADA	109
7	Limbang	TIADA	84
<b>8</b>	<b>Serian</b>	<b>1</b>	<b>66</b>
9	Betong	TIADA	56
10	Kapit	TIADA	51
11	Mukah	TIADA	48
12	Sri Aman	TIADA	45
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>1,734</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **50 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 11.10.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	DBKU	6
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MDSA	6
5	MP Sibul	9
6	MCC	13
7	MD Marudi	3
8	MD Lawas	7
<b>Jumlah</b>		<b>50</b>